

# Jangan heboh siapa TPM: Pak Lah

6 JUL 2002

PUTRAJAYA, Jumaat – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta semua pihak supaya tidak menghebohkan persoalan siapa yang akan menjadi Timbalan Perdana Menteri selepas peralihan kuasa pucuk

pemimpin negara pada Oktober tahun depan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, meskipun keputusan itu nanti mesti dibuat, masa belum tiba lagi kerana Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih Perdana Menteri dan Presiden Umno.

“Saya ingat isu ini tak perlu dihebohkan pada waktu ini kerana kita perlu bekerjasama seterusnya dan untuk saya mengambil alih sebagai pemimpin parti dan kerajaan pun mengambil masa 16 bulan lagi.

“Lebih baik kita fokus kepada kerja kita yang perlu dilaksanakan sebaik-baiknya. Tidak dapat dielak keputusan perlu dibuat mengenai perkara ini tetapi Perdana Menteri masih ada, pemimpin parti masih ada, dan saya dengan tugas saya dan naib-naib presiden (Umno) dengan tugas-tugas mereka.

“Saya percaya mereka (tiga naib presiden) pun memahami bahawa keputusan akan dibuat tetapi yang pentingnya, kerjasama mesti diteruskan. Kita harus kekal sebagai sahabat, rakan seperjuangan dalam parti,” katanya selepas dikunjungi Menteri Pembinaan dan Pengang-

kutan Korea Selatan, Lim In-Taik, di sini, hari ini.

Abdullah diminta mengulas ucapan Dr Mahathir Selasa lalu yang dipetik sebagai berkata Naib Presiden, Datuk Seri Najib Razak mungkin dilantik Timbalan Perdana Menteri.

Dalam satu perjumpaan dengan jawatankuasa Umno Bahagian Kubang Pasu di Seri Perdana di sini, Dr Mahathir antara lain dilaporkan berkata: “Sebenarnya kalau saya tak jadi Perdana Menteri, hari ini Pak Lah (Abdullah) jadi Perdana Menteri dan mungkin Najib jadi Timbalan Perdana Menteri, tetapi mereka sanggup tunggu selama 16 bulan untuk mendapat jawatan itu”.

Abdullah bagaimanapun berkata, buat masa ini Umno dan pemimpinnya perlu memberi tumpuan mempereratkan kerjasama antara satu dengan lain.

Apabila ditanya sama ada formula peralihan kuasa membabitkan jawatan nombor dua sudah dirangka selepas Oktober 2003, beliau berkata, perkara pokok yang perlu difahami oleh semua pihak adalah “kerjasama di kalangan pemimpin Umno

mesti terus berada dalam keadaan yang sentiasa baik dan perlu dipelihara sepanjang masa.”

Katanya, kehendak parti mesti diutamakan daripada kehendak individu kerana ia akan menjadikan Umno lebih baik dan kuat.

“Kalau kita utamakan kehendak parti, muafakat kita akan menjadi baik tetapi kalau matlamat itu diganggu dengan agenda peribadi, maka tentulah kerjasama akan terjejas.

“Kita amat memahami jika parti kita tidak berjaya pada pilihan raya, ini akan menghilangkan peluang kita untuk terus berkhidmat kepada bangsa, negara dan rakyat. Yang memberi kejayaan kepada Umno sehingga kini adalah kuasa politik, dan kalau kuasa itu hilang kerana perbalahan, maka tidak akan siapa yang menang,” katanya.

Abdullah, yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata soal siapa yang akan memegang sebarang jawatan dalam parti akan ditentukan bila tiba masa tetapi yang pentingnya “ialah kita (pemimpin parti) patut bekerjasama walau apapun.”